

PEJABAT KETUA PENDAFTAR
Office of the Chief Registrar
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
Federal Court of Malaysia
ISTANA KEHAKIMAN
PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8880 3500

Faks : 03-8880 3886

Laman Web : <http://www.kehakiman.gov.my>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : JK/MP 40 Jld. 5

Tarikh : 19 Jun 2014

Semua Hakim Mahkamah Sesyen
Kuala Lumpur dan Selangor.

Semua Timbalan Pendaftar / Pegawai Penyelidik
Mahkamah Persekutuan Malaysia/ Mahkamah Rayuan Malaysia

Semua Timbalan Pendaftar / Pegawai Penyelidik
Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur/Mahkamah Tinggi Shah Alam


Semua Majistret
Mahkamah Majistret Kuala Lumpur/Putrajaya/Selangor

Semua Setiausaha
YA Hakim Mahkamah Persekutuan Malaysia

Semua Setiausaha
YA Hakim Mahkamah Rayuan Malaysia

Semua Setiausaha
YA Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur/ Mahkamah Tinggi Shah Alam

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan



MEMUAT NAIK ALASAN PENGHAKIMAN MENGGUNAKAN APLIKASI E-JUDGMENT

Dengan hormatnya saya diarah oleh YAA Ketua Hakim Negara untuk merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa sistem E-Judgment yang dibangunkan bagi pengumpulan dan penyimpanan alasan penghakiman telahpun siap dan boleh digunakan.
3. Sehubungan dengan itu, YAA Ketua Hakim Negara telah mengarahkan sistem ini digunapakai terlebih dahulu oleh Mahkamah Persekutuan Malaysia, Mahkamah Rayuan Malaysia, Mahkamah Tinggi serta Mahkamah-Mahkamah Rendah di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan mulai **1 Julai 2014**.

4. Bagi memuat naik Alasan Penghakiman untuk Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi, pegawai-pegawai penyelidik kepada YA Hakim-Hakim/ Pesuruhjaya Kehakiman hendaklah menyediakan ringkasan fakta dan keputusan kes kepada alasan penghakiman. Kelulusan daripada hakim masing-masing hendaklah diperolehi sebelum alasan penghakiman dihantar ke portal E-Judgment. Bagi Mahkamah Sesyen dan Majistret pula alasan penghakiman akan terus dimuat naik ke sistem E-judgment. Sistem ini boleh dicapai melalui alamat url: pelaporan.kehakiman.gov.my.

5. Setelah alasan penghakiman dimuat naik, Unit Pelaporan Undang-Undang adalah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan penyediaan kata kunci sebelum alasan penghakiman diterbitkan di laman web kehakiman

6. Bersama-sama ini di lampirkan manual sistem E-Judgment untuk perhatian YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Saya yang menurut perintah,

(DATUK AZIMAH BINTI OMAR)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

s.k. YAA Ketua Hakim Negara

YAA Presiden Mahkamah Rayuan

YAA Hakim Besar Malaya

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak

Timbalan Ketua Pendaftar

Pendaftar Mahkamah Rayuan Malaysia

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya

Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak

Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya

Pengarah Mahkamah Negeri Selangor

Pengarah Mahkamah Kuala Lumpur

Ketua-Ketua Bahagian Istana Kehakiman

